

## **// PENDAFTARAN PELAJAR BARU SIDANG 2004/05**

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) menerima kehadiran seramai lebih kurang 601orang pelajar baru bagi Sidang Akademik 2004/2005. Pendaftaran bermula dari jam 8 pagi pada 13 Jun lalu bertempat di Kolej Kediaman Pelajar, Kuala Perlis, Perlis. Para pelajar tersebut akan mengikuti program sepenuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda selama empat tahun.

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dalam ucapan aluan di Dewan Sivik, Arau, sempena Minggu Suaikenal Pelajar Baru di sini menyeru para pelajar baru untuk merealisasikan aspirasi negara serta menyumbang ke arah ketamadunan dunia. Ini katanya sejajar dengan penubuhan KUKUM sendiri yang bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara.

Minggu Suaikenal Pelajar Baru Sidang Akademik 2004/2005 yang berlangsung selama satu minggu bermula dari 13 Jun itu akan diisi dengan pelbagai program. Antara lain program tersebut ialah Ceramah Patriotisme, Prospek dan Halatuju Pelajar Kejuruteraan, Taklimat Pinjaman/Biasiswa bersama PTPTN, Forum Islam Hadhari dan satu sesi istimewa bersama Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis.

